

Skema jawapan P. Am kertas 1 trial 2012.

1	B
2	C
3	D
4	A
5	D
6	B
7	C
8	B
9	B
10	B
11	D
12	B
13	D
14	A
15	D
16	B
17	B
18	A
19	C
20	A

21	A
22	C
23	B
24	C
25	D
26	C
27	A
28	B
29	B
30	A
31	D
32	C
33	B
34	B
35	D
36	D
37	A
38	C
39	D
40	B

41	A
42	A
43	A
44	C
45	C
46	B
47	B
48	B
49	C
50	A
51	C
52	B
53	B
54	D
55	C
56	B
57	B
58	B
59	B
60	B

SKEMA KERTAS 2 SET 1

1 Jenayah pemerdagangan orang bukan sahaja mencemarkan imej negara di mata dunia tetapi juga membawa pelbagai implikasi kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memeranginya. Jelaskan pernyataan di atas.

Pengenalan

Jenayah pemerdagangan orang bermaksud segala bentuk eksploitasi sama ada untuk tujuan seks, kerja paksa, perhambaan bahkan turut melibatkan pemindahan organ manusia. Jenayah ini mendatangkan pelbagai kesan negatif dan pelbagai usaha perlu dijalankan untuk memeranginya.

Bil	Idea	Hujahan
1	A Kesan Mencemarkan imej negara di mata dunia	<ul style="list-style-type: none">• Kedudukan Malaysia dalam senarai 16 negara berprestasi buruk dalam mengekang isu pemerdagangan manusia mencemarkan imej negara di mata dunia.• Menunjukkan negara lemah dalam mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang.• Negara dianggap sebagai sarang jenayah.
2	Mengancam keselamatan dan keamanan negara	<ul style="list-style-type: none">• Jenayah yang semakin berleluasa mengancam keselamatan terutamanya wanita dan kanak-kanak yang diperalatkan bagi tujuan tertentu termasuk pelacuran, pusat hiburan dan rumah urut dan sebagainya.• Sindiket atau mereka yang terlibat juga melakukan aktiviti jenayah lain untuk mengumpulkan kekayaan.
3	Menjejaskan hubungan diplomatik antara negara	<ul style="list-style-type: none">• Penyeludupan dan pemerdagangan manusia melanggar hak sesebuah negara dan isu-isu yang berlaku menjejaskan hubungan diplomatik antara Negara.• Isu-isu seperti penderaan malahan pembunuhan

		pembantu rumah menimbulkan rasa tidak puas hati antara negara yang terlibat
4	Peningkatan masalah sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah sosial bertambah merebak dalam masyarakat • seperti berpeleseran, pelacuran, seks bebas, minum arak dan sebagainya.
5	Penularan penyakit berjangkit	<ul style="list-style-type: none"> • Penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi, penyakit kelamin, hepatitis dan sebagainya kembali menular dalam kalangan masyarakat
6	B Langkah-langkah Penguatkuasaan undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Perlindungan Mangsa Penyeludupan dan Keganasan 2000 • Akta Antipermerdagangan Orang 2007
7	Memperketat kemasukan pelancong asing serta mengawal pintu masuk sempadan dengan lebih teliti	<ul style="list-style-type: none"> • Kawalan kemasukan pelancong asing . Menutup peluang penyeludupan manusia berlaku • Kawalan menggunakan Akta Imigresen untuk mengesan kemasukan secara haram.
8	Koordinasi antara kementerian	<ul style="list-style-type: none"> • Penguatkuasaan yang bersepadu antara kementerian dapat membantu mengurangkan aktiviti ini. Contohnya koordinasi antara Kementerian Pelancongan dan Kementerian Dalam Negeri bagi membersihkan imej Negara.

Penutup

Aktiviti ini perlu dibanteras untuk memelihara ketenteraman dan keselamatan negara.

Skema : 1+ 1+2

2 Penciptaan intelektual seperti rekaan-rekaan teknologi dan penghasilan karya seni dan sastera perlu dilindungi oleh undang-undang. Pelbagai langkah telah dijalankan oleh kerajaan demi mengiktiraf hak intelektual seseorang. Bincangkan

Pendahuluan

Harta intelek adalah hasil ciptaan minda sama ada dalam bentuk reka cipta, simbol, nama dan reka bentuk yang digunakan dalam perdagangan serta karya sastera dan seni, manakala komponennya membabitkan paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi, hak cipta, dan susun atur litar bersepadu.

Bil	Idea	Huraian
A	Kepentingan melindungi harta intelek	
1	Memelihara keaslian kreativiti seseorang	<ul style="list-style-type: none"> • Melindungi hak ciptaan sesuatu produk daripada diciplak • Keaslian ciptaan dapat dikawal. Pengguna tidak memperoleh barangan tiruan.
2	Menguntungkan sesebuah syarikat dan negara	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi kekuatan kGI terutama spirit, keju dan coklat. • Menggalakkan industry pelancongan melalui konsep 'GI Tourism' iaitu mempromosi lokasi GI sebagai destinasi pelancongan.
3	Menggalakkan budaya mencipta/kreativiti	<ul style="list-style-type: none"> • Seseorang akan terus mencari hasil-hasil karya baru untuk kebaikan dan masa depan negara. • Seorang berasa diri dihargai dan hartanya sentiasa dalam lindungan undang-undang • Con; Zul Design, Jimmy Choo-kasut, filem, lagu, barangan kulit dll
4	Meningkatkan imej negara negara	<ul style="list-style-type: none"> • Negara di dunia akan mengenali sesebuah negara melalui produk yang dihasilkan, Malaysia setakat ini mendaftarkan 6 GI iaitu Sarawak pepper, Sabah Tea, Sabah seaweed, Borneo Virgin Coconut oil, Tenom coffee dan Bario Rice.
B	Langkah-langkah	
5	Kempen/Meningkatkan kesedaran masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Memupuk budaya kreativiti, inovasi, integriti dan menghormati harta intelek dari peringkat sekolah lagi • Urusan hak intelek dalam pelbagai jenis seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, rahsia perdagangan, perlesenan teknologi, pelanggaran hak dll
6	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Formal di sekolah/tidak formal – aktiviti kokurikulum • Merentas kurikulum-sejarah, sivik dan kewarganegaraan, kemahiran hidup,

7	Kuatkuasa undang-undang perlindungan harta intelek	<ul style="list-style-type: none"> • Cap dagangan 1976, Paten 1983, Akta Hak Cipta 1987, • Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Cakera Optik 2000. Akta Perihal Dagangan • Denda
8	Diperakui oleh badan bertauliah	<ul style="list-style-type: none"> • JAKIM – tanda halal, SIRIM-kualiti
9	Mengisytiharkan Hari Harta Intelek Negara	<ul style="list-style-type: none"> • 26 April hari harta intelek.

Pilihan jawapan:

2 + 2

Bahagian B

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan.

3 Selain memajukan industri pelancongan, laut yang terpelihara merupakan khazanah alam yang sangat penting kepada manusia dan alam sekitar. Kemusnahan laut akan membawa kesan yang serius.

Jelaskan pernyataan di atas.

[25]

Pengenalan

Malaysia dikelilingi lautan yang menyediakan biodiversiti tertinggi di dunia. Bagaimanapun, hidupan marin pada masa ini tidak dianggap penting kerana kepentingannya tidak diketengahkan walaupun 70% daripada bumi diliputi lautan. Terdapat banyak pulau di Malaysia dilindungi kerana merupakan habitat bagi hidupan marin.

Bil	Idea / Isi	Huraian
1	<p>A. Kepentingan.</p> <p>Membekalkan sumber protein</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hidupan akuatik merupakan sumber protein utama seperti ikan, ketam, udang, sotong dan kerang • Bekalan sumber protein tidak kehabisan @ pupus

2	Menyediakan air bersih	<ul style="list-style-type: none"> • Air yang bersih/ tidak tercemar mudah disuling untuk dijadikan air minuman • Bekalan air bersih terpelihara dan berterusan • Lebih selamat untuk kegunaan industri
3	Kajian dan penyelidikan marin	<ul style="list-style-type: none"> • R & D giat dijalankan untuk kebaikan • Kajian yang dilakukan dapat memelihara persekitaran marin. • Laut yang terpelihara menjadi proses R & D berjalan lancar
4	Perlindungan hidupan akuatik	<ul style="list-style-type: none"> • Terumbu karang / habitat dipelihara • Plankton banyak dan bekalan makanan tidak terputus • Pembiakan berterusan di kawasan terumbu karang
5	Tumbuhan pinggir pantai terpelihara	<ul style="list-style-type: none"> • Air laut yang bersih menjadikan tumbuhan pinggir pantai terpelihara. Kandungan oksigen berterusan • Hutan paya bakau dapat elakkan hakisan, banjir besar dll
6	Sumber perubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Rumpai laut rawat beguk • Terumbu karang menghasilkan toksin dan rangka batu karang digunakan sebagai gantian tulang • Ubat-ubatan tradisonal seperti minyak gamat untuk antiseptik yang berkesan
7	B. Kesan negatif Pengurangan sumber protein	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber ikan, udang, ketam dan sebagainya yang menjadi sumber makanan akan pupus • Kemusnahan terumbu karang akan menyebabkan plankton berkurangan / habitat musnah • Keracunan makanan boleh berlaku • Gangguan sumber makanan
7	Krisis bekalan air bersih	<ul style="list-style-type: none"> • Air laut merupakan sumber air utama • Air yang tercemar jejkaskan sumber bekalan air bersih

		<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran spt tumpahan minyak menjejaskan kandungan oksigen dlm air
8	Hakisan pinggir pantai	<ul style="list-style-type: none"> • Ancam penduduk pinggir pantai kerana kemusnahan tumbuhan pinggir pantai • Tiada pertahanan hutan paya bakau untuk hadapi bencana alam seperti banjir, ribut atau tsunami • Pembuangan sisa toksik/ radioaktif bawa mudarat kepada hidupan.

Kesimpulan.

Penjagaan laut perlu diambil berat oleh semua pihak. Pencemaran air akan menjejaskan hidupan akuatik dan turut menjejaskan kehidupan manusia.

Kombinasi jawapan 2 + 2

4 Teknologi Hijau ialah pengaplikasian penggunaan sains alam sekitar untuk memelihara sumber dan alam sekitar semula jadi serta mengawal kesan negatif aktiviti manusia. Bincangkan kepentingan teknologi hijau kepada manusia.

BIL	IDEA	HURAIAN
1.	Sumber tenaga yang bersih	<ul style="list-style-type: none"> • Penjanaan kuasa hidro • Teknologi persekitaran dan teknologi bersih • Menjamin pengekalan alam semulajadi • Menjamin persekitaran hidup bersih dan sihat • Meningkatkan penggunaan tenaga daripada sumber angin dan ombak • Meningkatkan penggunaan tenaga solar
2.	Pengekalan Sumber –mesra alam	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan enjin hybrid • Mengurangkan pencemaran asap kenderaan • Kenderaan berkuasa elektrik dan bahan api bio • Menjimatkan minyak • Kurangkan pelepasan karbon dioksida • Program kitar semula bahan buangan, dan rawatan sisa buangan
3	Mengekalkan keseimbangan iklim dan cuaca	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan kesan perubahan cuaca • Mengelakkan bencana alam seperti

		<p>ribut,taufan banjir,tsunami</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengelakkan hujan asid • Mengurangkan kesan rumah hijau-elakkan pemanasan global
4	Mengekal dan memulihara sumber air bersih	<ul style="list-style-type: none"> • Air yang banyak dari sumber semulajadi seperti sungai,tasik dan empangan • Mengelakkan pencemaran air dan degradasi kualiti air sungai • Menyalurkan air yang bersih seperti air bawah tanah
5	Penyelidikan dan Pembangunan (P&P)	<ul style="list-style-type: none"> • Dilakukan oleh penyelidikan untuk mencari maklumat baru • Universiti juga membuat P & P untuk teknologi hijau dan bersih • Semua pihak digalakkan membuat P & P untuk membantu
6	Pembangunan Lestari	<ul style="list-style-type: none"> • Penjimatan tenaga air dan bahan pembuatan • Mesra alam,berdasarkan piawaian setempat • Tidak menjejaskan kesihatan penghuni • Kurang impak terhadap alam sekitar • Lebihan bahan tidak memberi kesan kepada alam sekitar • Bumbung bangunan direka supaya air hujan dapat dikumpulkan dan digunakan semula • Penggunaan peralatan paip air dapat meminimumkan penggunaan air seperti Low flash toilet,low flow shower • Pastikan ventilasi pengudaraan dan penapisan bangunan baik
7	Sumber tenaga baru	<ul style="list-style-type: none"> • Tenaga daripada sumber angin dan ombak • Tenaga daripada hasil pertanian dan bahan buangan pertanian

Jawapan : 4 + 0

Bahagian C

(i) Soalan Kefahaman

Pemberian markah

Markah penuh: 2 markah

Kriteria	Markah	Catatan
Isi lengkap Tiada kesalahan bahasa	2	Sekiranya calon menggunakan ayat/bahasa sendiri, kecuali penggunaan istilah tertentu yang tidak boleh diganti
Isi lengkap Ada kesalahan bahasa	1½	
Isi kurang lengkap Ada kesalahan bahasa	1	Sekiranya jawapan disalin sepenuhnya daripada petikan
Isi salah	0	

Nota: Calon boleh menjawab dalam beberapa ayat tetapi hanya ayat pertama sahaja dikira sebagai jawapan. Tiada markah bahasa.

(ii) Soalan Ulasan

Pemberian markah

Markah penuh: 8 markah

Kriteria	Baik	Sederhana	Lemah
Isi	2	1-2	0-1
Huraian	3-4	2	0-1
Bahasa	2	1-2	1
Jumlah	7-8	4-6	1-3

Nota: Jawapan yang diambil kira hanya setakat 50 patah perkataan sahaja. Jika tiada Isi, beri markah bahasa (1 markah)

Pemarkahan:

Idea :2 (2 x 1 markah)
Huraian :4 (2 x 2 markah)
Bahasa :2 markah
Jumlah :8 markah

Bahagian C

5 (a) “Menularnya kes rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan penipuan menunjukkan kemerosotan integriti individu, kepimpinan, dan rakyat keseluruhannya di negara ini. Pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) oleh kerajaan diharapkan dapat mewujudkan masyarakat yang berintegriti tinggi. Melalui amalan integriti, nilai murni individu yang berteraskan kejujuran dan amalan moral yang tinggi dapat menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat.”

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Februari 2007)

(i) Apakah kesan sosial akibat penerapan integriti?

-nilai murni setiap individu dijadikan budaya hidup

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, ulaskan usaha yang boleh dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat yang berintegriti tinggi.

1. Institusi keluarga

- keluarga membimbing tingkah laku dan membentuk serta memantapkan integriti anggotanya/keluarga bahagia

- tumpuan pembentukan nilai-nilai murni harus bermula daripada kanak-kanak manakala ibu bapa dan penjaga membimbing dan menjadi teladan yang baik /pembentukan identiti

2. Masyarakat/komuniti

- dalam komuniti terdapat pelbagai institusi sosial, pertubuhan akar umbi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjadi saluran penting menyemai nilai-nilai murni serta memupuk etika anggota komuniti dan warganegara.

- memupuk kesedaran masyarakat bagi membenci rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa melalui satu mekanisme baharu untuk memudahkan orang awam membuat aduan tentang salah laku.

3. Pendidikan

- pembinaan insan yang beretika dan bertanggungjawab, selain berperanan menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran, komited dan cekap.

4. Penguatkuasaan dan perundangan

- penguatkuasaan lebih tegas seperti penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

- tindakan perundangan terhadap sesiapa yang terbabit dengan salah urus dana kewangan, salah guna kuasa, dan penyelewengan

5. Pihak pengurusan/kepimpinan atasan

- perlu dipupuk di peringkat kepimpinan sama ada sektor awam, sektor swasta dan juga kepimpinan politik

-kepimpinan berteladan

(b) “Kecelaruan tingkah laku merupakan masalah yang kompleks. Menurut pakar psikologi, aras *serotonin* dan rangsangan aras *autonomik* yang rendah khususnya dalam kalangan pelajar lelaki menyebabkan mereka terlibat dalam aktiviti yang merangsang biologinya. Pelajar yang menunjukkan tingkah laku yang ganas berkecenderungan membuli pelajar lain yang lemah. Apabila berulang kali bertindak ganas, mereka berasa megah, kuat dan berkuasa.”

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Julai 2009)

- i) Apakah ciri yang menunjukkan seseorang itu menghadapi kecelaruan tingkah laku?
- berkelakuan ganas secara berulang.
- ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, huraikan sebab seseorang pelajar itu melakukan perbuatan membuli.
1. Pengaruh rakan sebaya
 - rakan sebaya yang mempunyai masalah disiplin/salah laku boleh menyebabkan rakan terikut-ikut dengan perangai mereka
 - rakan yang tidak turut serta melakukan perkara tersebut mungkin dipulaukan
 2. Emosi
 - menghadapi kesukaran besar untuk mengendalikan emosi dengan baik
 - melepaskan perasaan tidak puas hati/geram/tekanan
 - berasa seronok apabila membuli orang lain
 - berasa cemburu kerana tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada guru berbanding dengan pelajar yang cemerlang
 3. Personaliti
 - mengalami gangguan personaliti seperti tidak berasa bersalah apabila membuat kesilapan
 - berasa megah, kuat dan berkuasa apabila bertindak ganas
 4. Pengalaman
 - pernah menjadi mangsa buli dan ingin membalas dendam
 - persekitaran
 5. Ibu bapa/keluarga bermasalah
 - masalah perceraian ibu bapa
 - ibu bapa jarang berkomunikasi dengan anak dan tidak membetulkan kesalahan anaknya/tidak memberi didikan agama dan moral.
 6. Pengaruh media massa
 - media massa memaparkan pelbagai unsur negatif seperti kekerasan dan keganasan yang mendorong kepada berlakunya kegiatan membuli

6 (a) “Fenomena ubat tiruan yang melanda di seluruh dunia bukanlah sesuatu yang mudah dikawal. Antara ubat tiruan yang popular termasuklah antibodi, ubat alahan, hormon dan steroid. Ubat tiruan mempunyai kandungan dan kuantiti yang tidak sama dengan ubat asli sama ada lebih banyak, kurang daripada sepatutnya atau tiada langsung bahan aktif. Lazimnya, produk ini ditiru dengan sengaja melalui penipuan label dan pengenalan untuk menampakkannya seperti ubat asli.”

(Disesuaikan daripada *Berita Minggu*, 8 November 2009)

- (i) Jelaskan maksud ubat tiruan.

-produk tiruan yang disengajakan berlaku penipuan kandungan, label dan pengenalan untuk menyamai produk asal.

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, huraikan sebab mengapa ubat tiruan menjadi pilihan kepada pengguna.

1. Mudah membeli ubat tanpa perlu didiagnosis pakar perubatan/doktor
-boleh dibeli di farmasi/kedai ubat/kedai runcit
2. Harga lebih murah berbanding ubat asli
-penggunaan alat dan proses penghasilan bahan membuat ubat yang murah dan tidak bersesuaian
-tidak perlu membayar cukai berbanding ubat-ubatan farmaseutikal antarabangsa jadi harganya murah
3. Tiada kesedaran masyarakat tentang kesan sampingan penggunaan ubat
- menganggap semua ubat sama dari segi kandungan bahan aktif
- kandungan bahan aktif yang tinggi seperti steroid memberi kesan yang cepat dalam jangka masa pendek
4. Teknologi pemalsuan label/pembungkusan
-pengguna tidak dapat mengenalpasti produk tiruan
5. Penguatkuasaan undang-undang tidak berterusan
- penguatkuasaan tidak dilakukan secara sistematik dan tegas
6. Hukuman yang ringan
- tiada hukuman berat seperti penjara kepada pengeluar dan pengedar serta pengguna
7. Banyak pilihan
- pengeluar menyediakan pelbagai pilihan ubat-ubatan untuk pelbagai penyakit

(b) “Skizofrenia merupakan penyakit kecelaruan mental yang melibatkan gangguan perasaan, pemikiran, dan gerak geri yang luar biasa. Kecelaruan skizofrenia terdiri daripada gabungan beberapa tanda dan tingkah laku yang luar biasa, namun semua tanda ini tidak semestinya sama antara seseorang pesakit dengan pesakit yang lain. Seseorang yang menghidap skizofrenia seringkali mengalami hilang upaya untuk berfikir secara rasional.”

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Oktober 2009)

(i) Jelaskan ciri yang dihadapi oleh penghidap penyakit skizofrenia?

- tidak boleh berfikir dengan waras / tidak berakal

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, jelaskan punca yang boleh meningkatkan risiko seseorang menghidap penyakit ini.

1. Pengaruh genetik
- anak-anak mewarisi penyakit ini melalui baka/genetik/keturunan ibu bapa

2. Tekanan hidup
 - kehidupan seseorang yang sentiasa ditimpa masalah keluarga /kewangan / pekerjaan
3. Isolasi/pengasingan sosial
 - selalu bersendirian dan tidak gemar bergaul dengan ahli keluarga/rakan
4. Kecederaan (trauma)
 - kecederaan pada bahagian otak yang dialami ketika kelahiran/*pranatal*
 - kemalangan tragis melibatkan diri/ahli keluarga
5. Pengaruh persekitaran/sosial
 - kawasan tempat tinggal yang sesak misalnya di bandar besar
6. Kesan pengambilan ubat-ubatan
 - pengambilan ubat-ubatan tanpa kawalan/tanpa rujukan pakar perubatan untuk sesuatu jenis penyakit
 - terlebih dos/sukatan yang dibenarkan atau mengambilnya tanpa mengikut masa/nasihat doktor

Nota: Bezakan dengan ciri-ciri penghidap skizofrenia seperti tingkah laku pelik; suka bercakap dan ketawa; pertuturan sukar difahami; tidak ambil berat tentang rupa paras dan kesihatan diri; tidak tumpu kerja dan hilang keyakinan diri)

Bahagian D

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

[15]

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai bagi menunjukkan hasil eksport industri berasaskan pertanian di Malaysia pada tahun-tahun yang dinyatakan.

Sumbangan hasil eksport sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka menurun dari 7.0 peratus pada tahun 2005 kepada hanya 6.8 peratus pada tahun 2010. Namun demikian, sumbangan KDNK industri berasaskan pertanian dijangka meningkat dari 7.0 peratus kepada 7.6 peratus pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah disokong oleh galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan dengan mengurangkan duti eksport komoditi tersebut. Maka tidak menghairankan apabila berlakunya peningkatan nilai eksport industri makanan berasaskan pertanian daripada RM8,627 juta pada tahun 2005 kepada RM15,803 juta pada tahun 2010. Hasil eksport industri minuman dan tembakau juga telah meningkat sebanyak 39.37 peratus kepada RM2,446 juta pada tahun 2010.

Dasar kerajaan mengurangkan eksport komoditi balak dan kayu gergaji menyebabkan hasil eksportnya menurun masing-masing dari RM2465 juta kepada RM2100 juta dan RM4051 juta kepada RM2995 juta. Dalam masa yang sama kerajaan menggalakkan keluaran perabut yang berinovatif dan mempelbagaikan jenis keluaran perabut yang berkualiti tinggi. Hal ini telah menyebabkan

peningkatan hasil eksport keluaran kayu dan perabut. Hasil eksport industri keluaran kayu meningkat sebanyak RM4,244 juta kepada RM13,909 juta pada tahun 2010. Sementara hasil eksport industri perabut pula menyumbang sebanyak RM8,454 juta pada tahun 2005 dan mengalami peningkatan sebanyak 69.56 peratus kepada RM14,335 juta pada tahun 2010.

Dalam tempoh masa yang sama, hasil eksport industri keluaran getah telah meningkat daripada RM6,923 juta kepada RM11,368 juta walaupun berlaku penurunan kepada hasil eksport komoditi getah dari RM5,787 juta pada tahun 2005 kepada RM5,156 juta pada tahun 2010. Hal ini berlaku lanjutan dari langkah kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri hiliran untuk menghasilkan barangan sekunder berasaskan bahan mentah tempatan. Hasil eksport industri kertas pula mencatatkan peningkatan sebanyak RM781 juta kepada RM2,799 juta pada tahun 2010. Peningkatan hasil eksport industri berasaskan pertanian menggambarkan pertumbuhan yang baik bagi industri pertanian di negara ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Rancangan Malaysia ke Sembilan, 2006 – 2010)

Skema Pemarkahan:

	Maklumat	PA	KT	KI	KJ	Jumlah
A	Jawapan tepat – graf bar kompaun (6 bar setiap tahun)	4	4	4	3	15
B	Salah media – rujuk jadual (selain bar kompaun)	-	-	-	-	1
C	Maklumat salah 1. tiada tajuk/salah tajuk/tiada tahun 2. tiada petunjuk/ petunjuk pada m/s lain 3. tiada nilai/salah nilai atau unit	1 ½	1 ½	1 ½	1 ½	6
D	Sumber tidak lengkap	4	4	3 1/2	2 1/2	14
	Tiada sumber	4	4	3	2	13
E	Jika jawapan hanya jadual sahaja butiran 2 m, tajuk ½ m dan sumber ½ markah					3

Nota:

1. Sekiranya angkubah 7, 8 atau 9 jenis industri PA – 3, KT - 3, KI – 3, KJ – 2 = 11 m
2. Sekiranya dilukis dalam bar komponen PA – 4, KT – 1, KI – 4, KJ – 1 = 10m
3. Sekiranya tiada anggaran/jangkaan pada tahun 2010 – PA – 1½, KT – 1½, KI – 1 ½ , KJ – 1 ½ = 6 m

Jadual:

**Malaysia: Hasil Eksport Industri Berasaskan Pertanian pada Tahun 2005 dan
Jangkaan Tahun 2010**

Bil	Jenis industri	2005 (RMjuta)	*2010 (RMjuta)
1	Makanan	8627	15803
2	Minuman dan tembakau	1755	2446
3	Keluaran kayu	9665	13909
4	Perabut	8454	14335
5	Keluaran getah	6923	11368
6	Kertas	2018	2799

* jangkaan/anggaran

Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Rancangan Malaysia ke 9, 2006 – 2010)

Jawapan tepat graf bar kompaun – 15 markah

Jadual

**8 MALAYSIA : PANJANG JALAN MENGIKUT BIDANG KUASA, TAHUN
2006, 2008 DAN TAHUN 2010**

Jenis jalan	Bidang kuasa persekutuan (km)			Bidang kuasa negeri (km)		
	2006	2008	2010	2006	2008	2010
Jalan berturap	16020	16602	17254	55272	81413	98915
Berkelikir	56	10	0	73852	74514	18480
Jalan tanah	199	0	0	2929	8280	9754

Cadangan jawapan

Piramid kompaun sahaja

Bahagian E

9. Berdasarkan jadual di bawah, buat ulasan tentang penggunaan tanah pertanian pada tahun 2004, 2006, dan 2008 mengikut negeri terpilih dan jenis penggunaan tanah

MALAYSIA: GUNA TANAH UNTUK PERTANIAN MENGIKUT NEGERI TERPILIH DAN KATEGORI JENIS KEGUNAAN PADA TAHUN 2004, 2006 DAN 2008

Negeri	Keluasan Kawasan Perkebunan (Hektar)			Keluasan Kawasan Ternakan (Hektar)		
	2004	2006	2008	2004	2006	2008
Perlis	8549	8076	7719	931	166	731
Pahang	49654	51135	55000	33402	27092	5271
Kelantan	46614	48894	49558	1902	1917	2085
Melaka	13228	13923	14028	649	745	865
Negeri Sembilan	22447	22556	21410	2939	3175	3808

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Laporan Pertanian, 2010)

Skema Jawapan:

Pendahuluan: Guna tanah dalam aspek pekebunan dan ternakan menunjukkan perbezaan yang ketara mengikut negeri mahu pun mengikut tahun 2004, 2006 dan 2008.

Iu	Idea	Huraian	Perbezaan	Peratus perubahan	Alasan
1.	Keluasan Pekebunan Pola meningkat berterusan.	Pahang 2004: 49654 hektar 2008: 55000 hektar Kelantan 2004: 46614 hektar 2008: 49558 hektar Melaka 2004: 13228 hektar 2008: 14028 hektar	5,346 hektar 2,944 hektar 800 hektar	10.76% 6.32% 6.05%	Permintaan domestik dan antarabangsa meningkat Merupakan salah satu aspek sumber hasil negara.

2.	Menurun:	Perlis 2004: 8549 hektar 2008: 7719 hektar	830 hektar	9.71%	Tanah pertanian diambil alih untuk kegunaan sektor perumahan dan kegiatan ekonomi lain./saingan guna tanah Kurang pekerja/perlu mengambil buruh asing Pulangan dirasai tidak menguntungkan
3.	Tidak Stabil	2004: 22447 hektar 2006: 22556 hektar 2008: 21410 hektar.	109 hektar 1,146 hektar	0.49% 5.08%	Kawasan yang berdekatan dengan bandar besar dan bergantung kepada permintaan
4.	Keluasan Ternakan Meningkatkan	Kelantan 2004: 1902 hektar 2008: 2085 hektar Melaka 2004: 649 hektar 2008: 865 hektar Negeri Sembilan 2004: 2939 hektar 2008: 3808 hektar	183 hektar 216 hektar 869 hektar	9.62% 33.3% 29.6%	memenuhi keperluan daging/telur domestic Kepelbagaian industri hiliran memerlukan keperluan daging cth: restoran makanan segera dan sejukbeku
5	Menurun	Pahang 2004: 33402 hektar 2008: 5271 hektar	28,131 hektar	84.2%	Peralihan tumpuan kegiatan ekonomi lebih kepada sektor perladangan
6	Tidak Stabil	Perlis 2004:931 hektar 2006: 166 hektar 2008: 731 hektar	765 hektar 565 hektar	82.2% 340.4%	Sering dilanda bencana alam seperti banjir yang mengakibatkan keadaan menjadi tidak stabil.
4	Dalam tahun 2004 keluasan pekebunan	Tertinggi Pahang 49654 hektar Terendah Perlis 8549 hektar	35.4% daripada jumlah keluasan 5.59% daripada jumlah keseluruhan	Alasan: Pahang mempunyai kawasan yang luas memandangkan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia manakala Perlis merupakan negeri yang paling kecil di Semenanjung Malaysia.	

5	Dalam tahun 2006 keluasan pekebunan	Tertinggi Pahang 51135 hektar Terendah Perlis 8076 hektar Terendah.	35.4% daripada jumlah keseluruhan 5.59% daripada jumlah keseluruhan	Pahang mempunyai kawasan yang luas memandangkan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia manakala Perlis merupakan negeri yang paling kecil di Semenanjung Malaysia
6	Dalam tahun 2008 keluasan pekebunan	Tertinggi Pahang 55000 hektar Terendah Perlis, 7719 hektar,	37.23% daripada jumlah keseluruhan 5.23% daripada jumlah keseluruhan	Pahang mempunyai kawasan yang luas memandangkan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia manakala Perlis merupakan negeri yang paling kecil di Semenanjung Malaysia
7	Dalam tahun 2004 keluasan penternakan	Tertinggi Pahang 33402 hektar Terendah Melaka 649 hektar	83.9% daripada jumlah keseluruhan 1.63% daripada jumlah keseluruhan	Arah tuju Negara kearah agro industri Arah aliran kini yang mengabungkan aktiviti pertanian beserta penternakan Kempen yang dijalankan oleh setengah negeri seperti menjadikan Temerloh Bandar ikan patin.
8	Dalam tahun 2006 keluasan penternakan Tertinggi..Pahang hektar, 81.9% daripada jumlah keseluruhan	Tertinggi Pahang 27092 hektar Terendah Perlis, 166 hektar hektar,	37.23% daripada jumlah keseluruhan 0.5% daripada jumlah keseluruhan	Arah tuju Negara kearah agro industri Arah aliran kini yang mengabungkan aktiviti pertanian beserta penternakan Kempen yang dijalankan oleh setengah negeri seperti menjadikan Temerloh Bandar ikan patin.
9	Dalam tahun 2008 keluasan penternakan	Tertinggi Pahang 5271 hektar Terendah Perlis, 731 hektar,	41.3% daripada jumlah keseluruhan 5.7% daripada jumlah keseluruhan	Arah tuju negara kearah agro industri Arah aliran kini yang mengabungkan aktiviti pertanian beserta penternakan Kempen yang dijalankan oleh setengah negeri seperti menjadikan Temerloh Bandar ikan patin.

10	Keluasan guna tanah pekebunan lebih luas berbanding keluasan ternakan bagi ketiga-tiga tahun dinyatakan dan semua negeri	<p>2004</p> <p>Luas pekebunan Pahang 49654 hektar</p> <p>Luas penternakan Pahang 33402 hektar</p> <p>(Bagi contoh mana-mana tahun dan negeri)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Dasar Negara yang memberi lebih tumpuan kepada sector perladangan terutama daripada Dasar Ekonomi Baru lagi. - Kemudahan yang diberi kerajaan dalam pelbagai bentuk bantuan - Pekerjaan tradisi/warisan - Membangunkan industri berasaskan pertanian
----	--	---	---

Kesimpulan: Usaha perlu diambil bagi menambah keluasan kawasan ternakan agar dapat menjana ekonomi negara yang pelbagai.

Pilihan Jawapan

3 + 1 atau 2 + 2

10. Pendahuluan: Terdapat pelbagai faktor dalam kewujudan stress dalam kehidupan individu dan ini memberi impak ke atas kelestarian hidup seseorang.

A	Faktor Stress	Huraian
U1	faktor persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> -Ketidaktentuan politik boleh mewujudkan ketegangan/percanggahan pemahaman politik boleh mencetuskan rasa tidak puas hati -ketidaktentuan teknologi ..tidak memahami aplikasi baru teknologi atau aplikasi teknologi sering berubah boleh menimbulkan rasa risau
U2	Faktor organisasi	<ul style="list-style-type: none"> -tuntutan tugas yang semakin banyak dan perlu bekerja dalam jangka masa terhad boleh menyebabkan stress -tuntutan peranan individu dalam organisasi yang kabur atau terlalu banyak.. -hubungan interpersonal antara pekerja yang kurang baik atau hubungan interpersonal antara ketua dengan anak buah yang tidak baik /banyak prasangka buruk -struktur organisasi yang kurang mantap boleh menimbulkan stress dalam kalangan pekerja -kepimpinan organisasi yang lemah/bercelaru atau tidak tegas malah sering berubah-ubah membuat

		keputusan
U3	Faktor Perbezaan Individu	<p>-setiap individu mempunyai persepsi yang berbeza terhadap sesuatu mahu pun terhadap tugas menyebabkan ketegangan berlaku</p> <p>-pengalaman bekerja individu juga yang berbeza dari segi lama bekerja dan dari segi tempat bekerja yang berbeza akan juga mewujudkan stress jika ia bercanggah daripada apa yang diamalkan selama ini</p> <p>-sokongan sosial atau sekeliling juga boleh membantu seseorang tetapi jika tiada atau kurang boleh menimbulkan masalah</p> <p>-kepercayaan locus kawalan yang berbeza terhadap punca sesuatu itu berlaku boleh mempengaruhi keyakinan dan harga diri individu itu atau percaya bahawa sesuatu itu berlaku di luar kawalan juga boleh menyebabkan stress</p> <p>-permusuhan di antara pekerja boleh mewujudkan ketegangan</p>
U4	Factor individu	<p>-masalah keluarga sama ada masalah rumahtangga mahu pun masalah anak anak boleh mempengaruhi prestasi kerja</p> <p>-ekonomi terutama dari segi kewangan yang tidak mencukupi atau tidak pandai mengurus kewangan dengan baik/ beban hutang</p> <p>-personaliti antara pekerja yang terlalu besar bezanya terutama antara introvert dan extrovert menimbulkan ketegangan dan ketidak serasian untuk bekerjasama</p>
B	Kesan Stress	
BU1	Simpton fisiologi	<p>-menyebabkan sering sakit kepala/ migraine boleh mengganggu pekerjaan</p> <p>-tekanan darah tinggi menyebabkan tidak dapat mengendali masalah yang timbul dalam pekerjaan dengan baik</p> <p>-sakit jantung akibat stress yang tidak dapat diurus dengan baik</p>
BU2	Simpton psikologi	<p>- Individu akan sentiasa dirundung perasaan bimbang terutama dalam membuat keputusan</p>

		<p>-seseorang akan mudah sedih atau murung dan jika ada masalah hidupnya akan menjadi tidak tentu arah</p> <p>-kurang kepuasan bekerja</p>
BU3	Simpton tingkah laku	<ul style="list-style-type: none"> - Produktiviti yang menurun kerana masalah yang tidak dapat ditangani dengan baik - Sering tidak hadir dalam bekerja kerana rasa tidak bermaya dan hilang motivasi - Turn over pekerja menjadi semakin besar kerana ramai yang berhenti kerja dan ini boleh menjejaskan produktiviti

Kesimpulan: Stress boleh menjadi faktor motivasi namun jika tidak diurus dengan baik boleh mempengaruhi output sesuatu organisasi.

Pilihan jawapan

2 + 2